

14 FEB 2000

Pesara-Imbuhan

PESARA MINTA BANTUAN KHAS RM400 DIPANJANGKAN KEPADA MEREKA

KUALA LUMPUR, 14 Feb (Bernama) -- Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia (PPKM) hari ini meminta kerajaan supaya pemberian tambahan bantuan khas kewangan sebanyak RM400 kepada kakitangan kerajaan dipanjangkan juga kepada pesara kerajaan.

Setiausaha Agung Kehormat PPKM Nordin Aphyandy Abu Bakar dalam kenyataan di sini berkata pesara juga wajar menikmati imbuhan tambahan yang dinikmati oleh kakitangan kerajaan kerana mereka merupakan pengasas kepada kemajuan dan kemakmuran negara.

Dalam Belanjawan 2000 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 29 Okt lepas, Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin mengumumkan bahawa semua kakitangan awam akan menerima bayaran bonus sebanyak sebulan gaji atau sekurang-kurangnya RM1,000.

Bayaran itu adalah termasuk bantuan khas kewangan RM600 yang diberikan sejak Julai tahun lepas.

Belanjawan 2000 itu dijadual akan dibentangkan semula di Dewan Rakyat minggu depan.

Nordin Aphyandy berkata PPKM juga memohon Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya mempertimbangkan juga untuk memanjangkan pemberian bantuan khas kewangan sebanyak RM600 kepada penerima pencen bagi Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA).

"Pesara-pesara daripada kumpulan tersebut (JUSA) yang jumlahnya adalah kecil, juga memerlukan imbuhan istimewa itu kerana mereka adalah warga pesara yang terlibat sama akibat bahana kegawatan ekonomi seperti warga pesara yang lain," kata beliau.

Beliau juga berkata, persidangan perwakilan tahunan ke-12 PPKM telah memutuskan untuk mengadakan suatu "Perhimpunan Warga Pesara Kerajaan Bersama YAB Perdana Menteri".

PPKM telah menulis kepada Perdana Menteri untuk mendapatkan tarikh yang sesuai bagi perhimpunan itu yang bertujuan melahirkan sokongan penuh kepada kerajaan serta merakamkan ucapan setinggi tahniah atas kejayaan memulihkan ekonomi negara, katanya.

-- BERNAMA

ES NMO